

Kerajaan tanggung kos makan minum penuntut

Kuala Lumpur: Ibu bapa dan penjaga tidak perlu bimbang dengan kebajikan penuntut yang masih menetap di institusi pengajian tinggi (IPT) di seluruh negara, sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, ketika memberikan jaminan itu berkata, kerajaan sebelum ini bersetuju menanggung semua kos hidup, termasuk makan dan minum penuntut di IPT.

Katanya, keputusan itu bagi memastikan mereka semua kekal berada di IPT masing-masing dan terhindar daripada risiko penularan COVID-19.

“Saya tahu sudah lama mereka berada di sana dan ibu bapa mula resah mengenai nasib anak masing-masing yang masih berada di kampus kolej.”

“Kerajaan beri jaminan kita akan pastikan kebajikan anak mereka terjaga, justeru tiada isu besar berkaitan anak masing-masing kerana semuanya ditanggung.

“Oleh itu, ibu bapa usah gundah gulana, sebaliknya serahkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi untuk menjaga anak mereka dengan baik,” katanya pada sidang media selepas Mesyuarat Khas Menteri Mengenai PKP, di Putrajaya, semalam.

Dalam perkembangan lain, Ismail berkata, syarikat telekomunikasi, Celcom bersetuju untuk menyediakan perkhidmatan internet menerusi edaran kad sim prabayar kepada mereka yang menjalani proses kuarantin.

Katanya, tawaran itu antara lain merangkumi kemudahan da-

ta internet satu gigabait (GB), selain tambahan 10GB untuk berhubung dengan ahli keluarga menggunakan Skype, WhatsApp dan Facebook.


“Kerajaan juga berterima kasih kepada Astro dan Unifi kerana beri capaian percuma untuk berita dan hiburan sepanjang PKP dilaksanakan,” katanya.

Kepada permohonan Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) untuk menagguhkan bayaran balik pinjaman Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA), Ismail berkata, perkara itu akan dibincangkan kemudian.

Beliau menjangkakan sebarang cadangan sedemikian akan diperhalusi dalam mesyuarat memabitkan kluster sektor ekonomi, selepas kerajaan meneliti laporan berkaitan.

“Setakat ini ia belum dibangkitkan, jika ada, kita akan bincang perkara itu (penagguhan bayaran balik pinjaman LPPSA).

“Pada mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet yang akan bersidang esok juga mungkin perkara itu boleh dibangkitkan,” katanya.

 **Ibu bapa usah gundah gulana, sebaliknya serahkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi untuk menjaga anak mereka dengan baik.**

Ismail Sabri Yaakob,
Menteri Kanan (Keselamatan)